

Sistem pemilihan baharu parti buka peluang golongan berkenaan bergiat dalam politik

UMNO dianggotai ramai profesional

Oleh KAMIL MASLIH
dan SYUKRI SHAARI
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Sistem pemilihan baharu UMNO membuka peluang kepada lebih banyak golongan profesional serta teknokrat untuk terlibat sama dalam politik dan menjadikan parti itu sebagai wadah perjuangan.

Meskipun, banyak persepsi diwujudkan oleh pakatan pembangkang yang konna ny golongan profesional telah 'ditawar' mereka, lebih ramai sebenarnya golongan itu berada dalam landasan UMNO bagi memperjuangkan agama, bangsa dan negara.

GeoStrategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr. Azmi Hassan** berkata, transformasi politik yang dilakukan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berjaya melonggar kan kekangan untuk lebih ramai profesional terlibat sama dalam proses kepimpinan parti.

"Struktur UMNO pada masa lam-

pau terlalu banyak keka ngan kerana penguasaan *warlord* di peringkat ba hagian dan cawangan telah menyebabkan go longan profesional ha nya memendamkan rasa dan minat un tul berpolitik.

"Bagaimanapun, pemilihan kali ini me mang menampakkan perubahan dan membuka peluang seluas-luasnya untuk penyertaan lebih banyak golongan profesional bukan saha ja di peringkat Majlis Tertinggi tetapi juga dalam barisan sayap-sayap parti dan peringkat ba hagian," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Azmi, kepimpinan UMNO memerlukan adunan dari pada segenap lapisan masyarakat tidak kira go longan agama, profesio nal mahupun pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membolehkan parti itu mendengar denyut sebenar nadi rakyat.

"Sekiranya Pas yang sinonim de



ZAID AHMAD



ngan golongan ulama bo leh menerima golongan profesional, saya rasa dalam UMNO lebih mudah dilakukan, cuma orang-orang lama perlu terbuka menerima golongan ini untuk memperkuatkan lagi parti," katanya.

Dalam pada itu, Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, **Prof. Madya Dr. Zaid Ahmad** memberitahu, pemimpin-pe mimpin UMNO perlu rajin dan mem biasakan diri berdamping dengan go longan profesional, akademik serta teknokrat supaya mereka berasa di alu-alukan dalam parti itu.

Selain itu, katanya, UMNO juga perlu mengubah pendekatan terhadap generasi baharu golongan profesional, akademik dan teknokrat ini yang 'dilabelkan' sebagai tidak begitu taksub dengan kepartian.

"Golongan ini berfikiran kritis, sekiranya betul, mereka kata betul tetapi kalau mereka rasakan sesatu perkara atau perbuatan itu salah, mereka akan jujur mengatakan salah. Masalah akan timbul apabila budaya dalam parti itu sendiri yang kadang kala tidak dapat menerima kritikan, terutama daripada genera si baharu golongan ini.

"Perkara ini perlu diubah, ramai



SISTEM pemilihan UMNO yang baharu membuka peluang kepada lebih ramai golongan profesional dan teknokrat untuk melibatkan diri dalam politik dan menjadikan parti itu sebagai wadah perjuangan. - GAMBAR HIASAN

golongan profesional dan akademik muda yang berminat untuk menyertai UMNO tetapi tersepit de

ngan situasi itu. Implikasinya, su dah tentu apabila tiada ruang untuk mereka di dalam UMNO, mereka

akan ke arah parti lain yang merima keterbukaan kritikan mereka," jelas beliau.